

	<p style="text-align: center;">IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN SKIM PERKHIDMATAN SINGKAT DI LEMBAGA PELABUHAN BINTULU Bil. 1/2014</p> <p>Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi jawatan di bawah Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) bagi tempoh satu (1) tahun secara Kontrak Untuk Perkhidmatan (<i>Contract For Service</i>) di Lembaga Pelabuhan Bintulu.</p>			
A. BUTIRAN JAWATAN				
Bil.	Jawatan	Kekosongan	Bayaran	Syarat Lantikan
1.	Penolong Pegawai Tadbir (Gred N27)	1	RM 1,974.00 sebulan	<ul style="list-style-type: none"> i) Calon-calon untuk lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Warganegara Malaysia. b) Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. ii) Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik. iii) Mempunyai kelayakan Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam dan Pengurusan Harta Benda atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau iv) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh kerajaan; serta v) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
2.	Pembantu Operasi (Gred N11)	1	RM 1,277.00 sebulan	<ul style="list-style-type: none"> i) Calon-calon untuk lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Warganegara Malaysia. b) Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 56 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. ii) Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik. iii) Mempunyai kelayakan Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. iv) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah v) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)].

B. TEMPOH KONTRAK : Satu (1) Tahun

C. CARA MEMOHON:

- i) Pemohon yang berminat hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan LPB yang boleh didapati di:-

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Lembaga Pelabuhan Bintulu,
Aras 9, Menara Kidurong,
Jln. Tg. Kidurong, 97007 Bintulu.**

Atau di Laman Web Rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu di www.bpa.gov.my

- ii) Borang Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.

D. PERMOHONAN YANG LENGKAP BESERTA SALINAN SIJIL YANG BERKAITAN HENDAKLAH DIHANTAR KEPADA:

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu
Menara Kidurong, Jln. Tg. Kidurong
97007 Bintulu.

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH 14 MAC 2014 (JUMAAT) JAM 5:00 PETANG

F. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN TEMUDUGA

Calon-calon yang berjaya akan dihubungi melalui surat atau telefon dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas sesi temuduga diadakan.

G. CATATAN AM

- i) Hanya calon-calon yang layak dan memenuhi asas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii) Pemohon dimaklumkan bahawa perlantikan secara kontrak ini tidak boleh dijadikan jaminan untuk dilantik tetap ke dalam perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Bintulu.
- iv) Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menyurat tidak akan dilayani.